

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : SELASA, 9 JUN 2015**  
**RUJUKAN : L5 [PR-1332-L68768]**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan projek dan pengurusan untuk lalu lintas di Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, pada masa ini terdapat hampir 6 juta kenderaan didaftarkan di Wilayah Persekutuan dan lebih 2 juta trip sehari di Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam perkara berkaitan pengurusan pengangkutan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menumpukan kepada empat aspek utama bagi memastikan *mobility* dan *accessibility* berada di tahap yang tinggi. Empat aspek tersebut ialah perancangan, pembinaan infrastruktur jalan raya, pengurusan lalu lintas dan penguatkuasaan.

Dalam aspek perancangan ia bermula dengan menyediakan jajaran-jajaran jalan baru yang akan dibina semasa sesuatu kawasan baru dibangunkan dengan kelebaran rizab jalan yang tertentu mengikut hierarki jalan. Selain itu, dari sudut perancangan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melaksanakan tiga dasar iaitu tidak memusatkan (*Decentralization*), pembangunan bercampur (*Mix Development*) dan pembangunan berorientasikan transit (*Transit Oriented Development*).

Dalam aspek pengurusan lalu lintas, pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil bagi memastikan aliran lalu lintas bergerak dengan lancar di rangkaian jalan raya di Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan sistem teknologi terkini di dalam menguruskan lalu lintas iaitu Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (*Integrated Transport Information Sistem* atau ITIS) dan Sistem Lampu Isyarat Berkomputer.

Selain daripada itu, penyediaan kemudahan tempat letak kereta dan motosikal serta tempat punggah-memunggah yang teratur dapat mengurangkan halangan lalu lintas. Langkah lain juga diambil seperti melarang kenderaan berat menggunakan jalan-jalan utama pada waktu puncak dan membenarkan aktiviti punggah-memunggah hanya pada masa luar waktu puncak. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga melaksanakan pelbagai skim perubahan-perubahan aliran trafik kepada jalan.

Bagi memastikan kelancaran aliran lalu lintas, projek-projek infrastruktur jalan terus dilaksanakan. Projek-projek ini termasuk projek melengkapkan rangkaian jalanraya, projek meningkatkan kapasiti jalan seperti melebarkan jalan bagi tujuan menambah lorong, menaik taraf persimpangan dengan membina persimpangan bertingkat dan terowong serta membina jambatan yang boleh meningkatkan penyuraian lalu lintas. Bagi mengekalkan kapasiti jalan sedia ada, penandaan garisan jalan, pemasangan serta penyelenggaraan papan tanda tunjuk arah dan papan tanda lalu lintas, pemasangan dan penyelenggaraan lampu isyarat serta penyelenggaraan jalan sentiasa dilaksanakan secara berterusan.

Aspek penguatkuasaan kesalahan lalu lintas adalah amat penting untuk mendisiplinkan pengguna jalan raya. Dalam konteks Kuala Lumpur, kesalahan yang menyebabkan halangan lalu lintas sangat diberi tumpuan bagi melancarkan lalu lintas di Kuala Lumpur.